MAJLIS DAERAH YAN

IKLAN PENAWARAN PENGOPERASIAN (OPERATOR PENGURUSAN)

PULAU SONGSONG, YAN KEDAH DARUL AMAN

Tawaran Pelantikan Operator Pengurusan Pulau Songsong, Yan, Kedah.

Majlis Daerah Yan (MDY) mempelawa syarikat, koperasi, atau organisasi yang berkelayakan dan berpengalaman dalam pengurusan pelancongan, khususnya operasi pulau atau destinasi eko-pelancongan, untuk mengemukakan permohonan bagi dilantik sebagai operator pengurusan Pulau Songsong, Yan, Kedah bagi tujuan pembangunan, pengurusan dan operasi harian yang mampan dan berimpak tinggi.

Lokasi: Pulau Songsong, Daerah Yan, Kedah

Jenis Operasi: Pengurusan pelancongan pulau secara lestari dan berjadual

Tempoh Pengoperasian: 1 hingga 5 tahun (tertakluk kepada perjanjian)

SKOP TUGAS OPERATOR:

1. Menyelia dan mengurus aktiviti pelancongan harian di Pulau Songsong termasuk kawalan kemasukan pelancong.
2. Menyediakan dan mengurus kaunter pendaftaran pelancong
3. Mengutip kutipan atau bayaran yang akan dikenakan kepada pelancong
4. Menyelenggara kemudahan asas sedia ada, pembersihan dan mencadangkan penambahbaikan fasiliti pelancongan.
5. Melaksanakan aktiviti promosi dan pemasaran pelancongan Pulau Songsong.
6. Memastikan pematuhan kepada garis panduan Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Perhutanan dan agensi berkaitan.
7. Bertanggungjawab dan memastikan keselamatan pelancong keluar masuk Pulau Songsong

SYARAT PENYERTAAN:

1. Berdaftar secara sah dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atau Pertubuhan (ROS) atau lain-lain badan berwibawa.
2. Mempunyai keupayaan kewangan dan sumber manusia yang mencukupi.

KAEDAH PERMOHONAN DAN KEPERLUAN DOKUMEN DAN KANDUNGAN KERTAS KERJA CADANGAN

Setiap syarikat, koperasi atau organisasi yang berminat DIWAJIBKAN mengemukakan satu (1) salinan kertas kerja cadangan yang lengkap berserta dokumen sokongan. Kertas kerja tersebut hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

A. PROFIL DAN LATAR BELAKANG ORGANISASI

i. Profil lengkap syarikat, koperasi atau organisasi.

ii. Salinan sijil pendaftaran SSM, SKM, ROS atau badan berkaitan.

iii. Maklumat pemilik, ahli lembaga pengarah atau jawatankuasa pengurusan.

iv. Carta organisasi dan struktur pengurusan.

v. Rekod pengalaman sekiranya ada.

B. CADANGAN PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN

i. Konsep dan perancangan pengurusan Pulau Songsong.

ii. Cadangan sistem operasi harian dan jadual perjalanan pelancong.

iii. Cadangan sistem pendaftaran, kawalan kemasukan dan kutipan bayaran pelancong.

iv. Cadangan bilangan pekerja serta pembahagian tugas.

v. Pelan penyelenggaraan kemudahan dan kebersihan pulau.

C. CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENAMBAHBAIKAN FASILITI

i. Cadangan menaik taraf kemudahan sedia ada.

ii. Cadangan kemudahan tambahan untuk keselesaan dan keselamatan pelancong.

iii. Pelan susun atur atau lakaran cadangan pembangunan fasiliti, jika berkaitan.

iv. Anggaran kos pelaksanaan dan jadual kerja penambahbaikan jika berkaitan.

D. CADANGAN KEWANGAN DAN KEMAMPUAN OPERASI

i. Penyata kewangan terkini atau dokumen yang membuktikan kemampuan kewangan organisasi.

ii. Cadangan anggaran kos operasi dan penyelenggaraan.

iii. Cadangan struktur bayaran atau caj perkhidmatan kepada pelancong.

iv. Unjuran pendapatan dan perbelanjaan sepanjang tempoh pengoperasian.

v. Cadangan pulangan atau perkongsian hasil kepada pihak Majlis Daerah Yan, jika berkaitan.

E. STRATEGI PROMOSI DAN PEMASARAN

i. Pelan pemasaran dan promosi Pulau Songsong.

ii. Strategi penggunaan media sosial dan platform digital.

iii. Cadangan pakej pelancongan dan aktiviti rekreasi.

iv. Cadangan kerjasama dengan agensi pelancongan, pengusaha bot dan komuniti setempat.

F. PELAN KESELAMATAN DAN PENGURUSAN RISIKO

i. Prosedur keselamatan pelancong semasa perjalanan pergi dan balik ke pulau.

ii. Cadangan pengurusan kecemasan dan tindakan menyelamat.

iii. Cadangan penyediaan peralatan keselamatan dan petugas bertanggungjawab.

iv. Perlindungan insurans yang berkaitan dengan operasi pelancongan.

G. KOMITMEN PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR

i. Pelan pengurusan sisa pepejal dan kebersihan pulau.

ii. Langkah pemeliharaan ekosistem marin dan kawasan semula jadi.

iii. Cadangan aktiviti pelancongan berasaskan konsep eko-pelancongan.

iv. Komitmen untuk memastikan operasi tidak menjejaskan kelestarian alam sekitar.

H. PENGAKUAN DAN DOKUMEN SOKONGAN

i. Surat permohonan rasmi kepada Majlis Daerah Yan.

ii. Surat akuan bebas daripada status kebankrapan dan isu integriti.

iii. Salinan penyata bank atau dokumen sokongan kemampuan kewangan.

iv. Salinan lesen, permit dan kelulusan agensi berkaitan, jika ada.

v. Dokumen sokongan lain yang boleh membantu penilaian permohonan.

PERINGATAN:

Kertas kerja yang dikemukakan hendaklah lengkap, teratur dan mengandungi maklumat yang tepat. Pihak Majlis Daerah Yan berhak meminta maklumat tambahan atau mengadakan sesi pembentangan dan temu duga kepada pemohon yang disenarai pendek.

Kegagalan mengemukakan dokumen yang lengkap boleh menyebabkan permohonan tidak dipertimbangkan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN:

10 Disember 2026 (Khamis), jam 12.00 tengah hari

Majlis Daerah Yan tidak terikat dengan tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

Kertas kerja yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

Yang Dipertua
Majlis Daerah Yan
06900 Yan, Kedah
(u.p: Jabatan Pembangunan Masyarakat)

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui: Jabatan Pembangunan Masyarakat: 04-4655745

Setiausaha
b.p Yang Dipertua
Majlis Daerah Yan
Kedah Darul Aman